

# Di sebalik tabir Sekolah Wawasan

BH 18 AUG 2000  
Oleh Zakaria Abd Wahab

PERISTIWA berdarah 13 Mei 1969 adalah titik hitam dalam sejarah negara. Walaupun kejadian itu sudah lama berlalu, tidak mustahil untuk ia berulang kembali jika kita gagal memanfaatkan masa dan zaman yang sedang diharungi.

Jurang ekonomi antara kaum di Malaysia ketika itu membawa kepada rentetan rusuhan kaum yang menular begitu cepat ke seluruh tanahair. Berlaku penguasaan sumber ekonomi oleh sesetengah kaum hingga menerbitkan rasa tidak puas hati yang ketara di kalangan kaum lain. Akibatnya, berlakulah rusuhan kaum yang boleh disifatkan sebagai luahan perasaan penduduk Malaysia waktu itu.

Malaysia mengalami kekacauan yang sungguh mengaibkan. Lantaran peristiwa itu, pemimpin negara diketuk minda mereka untuk memulihkan semula hubungan antara kaum di negara ini.

Kesinambungan usaha itu berlanjutan sehinggalah ke dekad baru ini. Cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membentuk sistem persekolahan yang lebih bersifat kolektif dan berciri keharmonian kaum dianggap langkah bijak.

Sebagai negara yang kian pesat membangun, sudah pasti Malaysia akan mengalami perubahan dalam semua aspek keperluan negara, khususnya di bidang politik, sosial dan ekonomi.

Namun, keutuhan Malaysia mengekalkan konsep pemajmukan kaum, jika tidak diimbangi dengan betul, akan mewujudkan satu lagi pertentangan kaum.

Konsep Sekolah Wawasan yang kini dipraktikkan, dipandang sebagai salah satu usaha pemimpin negara untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara.

Jika dilihat kerangka konsep berkenaan, sekolah yang dahulunya terasing antara satu sama lain kini disatukan dalam satu sistem pendidikan yang seragam dan selari dengan hasrat negara untuk menghasilkan rakyat yang mempunyai semangat baru bagi meneruskan wadiah wawasan negara.

Falsafah Pendidikan negara juga menitikberatkan keharmonian dalam proses penimbaan ilmu. Justeru, langkah bijak itu dianggap sebagai perediaan Malaysia menempuh alaf mendatang, yang sudah pasti lebih mencabar, menuntut ketahanan mental dan kerohanian manusia yang hidup ketika itu.

**Apabila anak Melayu, Cina, India dan kaum lain dapat berinteraksi sejak peringkat awal alam persekolahan, akan lahir satu generasi Malaysia yang bersifat pelbagai budaya. Ketika itu, bangsa Melayu mampu menguasai budaya kaum lain. Begitu juga kaum lain. Sudah tentu sifat kekitaan yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969 hilang dalam diri rakyat Malaysia.**

Menjenguk kepada Sekolah Wawasan, ia boleh dicernakan sebagai satu pertembungan etnik dalam satu ruang yang sama. Ini bermaksud penggabungan sekolah berkenaan sudah pasti akan menemukan pelajar kepada satu andaian baru dalam hidup mereka.

Hari ini, masih lagi wujud sekolah bersifat perkauman. Masih ada sekolah yang dikhususkan untuk kaum Cina dan India. Bagaimana jika sekolah sebegini masih lagi wujud untuk tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang? Adakah sistem pendidikan sedemikian mampu menjamin perpaduan antara kaum di Malaysia tetap kukuh?

Sekolah Wawasan yang dicernakan Perdana Menteri mampu menjadi pemangkin dalam merealisasikan impian Wawasan 2020. Untuk menuju ke matlamat itu, Malaysia perlu bersedia menyediakan elemen manusia yang jauh daripada virus perosak. Bukan mudah bagi negara memastikan ia sentiasa berada dalam kawalan.

Pembentukan sistem persekolahan sedemikian adalah *veribal* kepada pemusatan etnik berjiwa Malaysia. Ini kerana dalam sistem itu bukan saja bangsa Melayu yang akan bersekolah di sekolah berkenaan tetapi akan turut terhimpun pelbagai ras dan agama. Lantaran daripada pertemuan itu, satu wadiah pendidikan akan mewujudkan pertembungan budaya dan bangsa.

Apabila anak Melayu, Cina, India dan kaum lain dapat berinteraksi sejak peringkat awal di alam persekolahan lagi, sudah tentu akan lahir satu generasi Malaysia yang bersifat pelbagai budaya. Pada masa ini, orang Melayu mampu menguasai budaya bangsa lain. Begitu juga kaum lain. Sudah tentu sifat kekitaan yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969 tidak lagi akan lahir 'dalam diri rakyat Malaysia'.

Mekanisme pemusatan etnik perlu

sejajar baik dari segi kurikulum dan kokurikulum. Sekolah Wawasan memerlukan satu sistem pendidikan yang jitu. Penyediaan keperluan pendidikan perlu selaras dengan hasrat dan matlamat penubuhan sekolah berkenaan.

Kementerian Pendidikan selaku institusi yang bertanggungjawab perlu memikirkan input yang akan dipraktikkan dalam memastikan ia benar-benar memberi manfaat untuk tempoh terdekat dan masa hadapan. Perancangan, pengkajian dan penyelidikan berterusan perlu dilakukan bagi menjamin mutu dan jumlah yang keluar daripada pelaksanaan sistem ini, agar tidak tersasar daripada apa yang negara mahukan.

'Dalam membicarakan mengenai perpaduan yang lahir dan terbina melalui satu jalinan sistem pendidikan yang berwajah baru, kita perlu melihat di sebalik tabir bagi tujuan pemprosesan wacana Sekolah Wawasan.

Sehingga hari ini, sistem pendidikan Malaysia tidak pernah lekang daripada kemelut dalaman yang lahir daripada ketidakupayaan murid dan institusi pendidikan itu sendiri. Memetik kata-kata Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Prof Madya Datuk Mahadzir Mohd Khir, istilah 'gangsterisme' tidak terlalu sinonim dengan suasana pendidikan negara ini. Namun, ia bukan menjadi petanda dunia keilmuan kita terhindar daripada parasit perosak itu. Saban hari kejadian yang membabitkan pelajar, khususnya pada peringkat rendah dan menengah rendah, semakin menular.

Berbalik kepada penubuhan Sekolah Wawasan, kita perlu melihat dalam konteks penggunaan kaedah pemikiran timbal balik, iaitu proses melihat setiap perancangan yang dilakukan bagi mewujudkan satu elemen pertentangan atau lebih tepat lagi wujudnya konsep pro dan kontra.

Sungguhpun kebanyakan rakyat beranggapan wujudnya Sekolah Wawasan akan menjamin mutu pendidikan negara kita, namun adakah ia akan dapat mencapai matlamat itu sepenuhnya?

Jika dilihat secara global, mungkinkah akan wujud pelbagai masalah daripada sistem ini? Dalam membicarakan wacana Sekolah Wawasan, tidak lengkap sekiranya kita hanya melihat dari satu sudut pandangan orang pertama. Ini kerana dalam sesuatu sistem yang ingin dilaksanakan, kita perlu menggunakan konsep pro dan kontra dalam membina sesuatu sistem itu.

Idea penubuhan Sekolah Wawasan mestilah turut dinilai dalam dimensi kontraisme, iaitu melihat apakah kesan negatif yang akan timbul jika ia dipraktikkan secara meluas.

Pengumpulan pelajar secara pemuatan akan menemukan kepelbagaian dalam budaya, agama, ras, sosial dan ekonomi setiap ahli sekolah berkenaan. Apabila faktor ini tidak diimbangi dengan betul, wujud kecenderungan pelajar melakukan sesuatu di luar jangkaan. Ia juga mengakibatkan penepuan bilangan pelajar dalam satu lingkungan institusi sekolah.

Faktor itu jika tidak ditangani dengan bijak akan menjadi barah. Dengan jumlah pelajar yang ramai, mampukah guru dan sekolah menghadapi tekanan bagi memenuhi peranan mereka?

Lihat saja fenomena masa kini. Sungguhpun sekolah sedia ada masih lagi terasing antara satu dengan lain, institusi sekolah gagal mengawal keruntuhan disiplin pelajar mereka. Inikan pula sekiranya beberapa sekolah digabungkan menjadi satu. Sudah tentu Kementerian Pendidikan perlu menyediakan pelan induk pengawalan bagi setiap masalah yang timbul.

Pendidik pula perlu menyiapkan diri mereka dari segi mental dan kerohanian. Jika pendidik tidak mempunyai ketahanan sendiri yang kuat, konsep Sekolah Wawasan akan dianggap kabur dan gagal untuk melahirkan individu yang diingini negara.

Justeru, Kementerian Pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan perlu berganding bahu bagi memastikan Sekolah Wawasan menjadi kenyataan. Perlu diingat, untuk menjadi satu negara dan bangsa yang maju di alaf mendatang, Malaysia bukan saja bergantung kepada sumber alamnya tetapi turut memerlukan sumber manusia yang berkualiti dan dinamik.